

Media Title : Harian Metro  
Headline : Pekebun sawit rugi RM300,000 diperdaya 'pegawai SKMM', 'polis'  
Date : 25 September 2024  
Section : Lokal  
Page : 11



# Pekebun sawit rugi RM300,000 diperdaya 'pegawai SKMM', 'polis'

**Batu Pahat:** Lelaki warga emas berputih mata selepas kerugian hampir RM300,000 akibat diperdaya lelaki menyamar pegawai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan pegawai polis.

Mangsa yang juga pekebun sawit berusia 61 tahun pada mulanya menerima panggilan daripada seorang wanita yang mendakwa 'pegawai SKMM' yang menyatakannya terbabit dalam sindiket peni-

puan akaun bank.

Ketua Polis Daerah Batu Pahat, Asisten Komisioner Shahrulanuar Mushaddat Abdullah Sani, berkata panggilan itu kemudian disambung kepada 'pegawai polis' dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Terengganu.

Menurutnya lagi, pegawai terbabit memintanya membuat laporan polis melalui telefon.

"Dalam perbualan telefon, suspek mem-

beritahu mangsa boleh diikat jamin tetapi semua asetnya akan dibekukan kerana kes masih dalam siasatan.

"Mangsa juga diminta mengikuti segala prosiding mahkamah sebelum meminta memindahkan wang ke dalam beberapa akaun bagi tujuan siasatan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Shahrulanuar berkata, antara 6 hingga 15 September mangsa melakukan beberapa pemindahan wang ke dalam enam akaun berbeza secara berperingkat sehingga RM290,000.

**Mangsa melakukan beberapa pemindahan wang ke dalam enam akaun berbeza**